



جابتن حال إحوال اِكْلام إسلام قولوا قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**MERINDUI TETAMU  
SUPER VVIP**



Tarikh Bacaan:  
**28 FEBRUARI 2025M / 29 SYA'BAN 1446H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa***  
***Panel Semakan Teks Khutbah***  
***Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
  
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
  
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Merindui Tetamu Super VVIP

28 Februari 2025M / 29 Syaaban 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قال الله تعالى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن  
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾ سورة البقرة

### PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Selaku khatib pada hari ini, suka saya berpesan kepada diri saya dan semua yang hadir untuk berusaha meningkatkan iman dan takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan mengerjakan segala perkara yang disuruh dan meninggalkan segala perkara yang dilarang oleh Allah. Ingatlah bahawa penilaian Allah terhadap seseorang bukan terletak pada rupa paras, pangkat, darjat, keturunan dan warna kulit tetapi pada iman dan takwa kita.

Menurut Irsyad Fatwa negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain mendengar khutbah. Mengambil semangat Ramadan yang bakal tiba, khatib akan membicarakan khutbah:



## Merindui Tetamu *Super VVIP*.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tahukah tuan-tuan sekalian, kita sedang berada di hari Jumaat yang terakhir di bulan Syaaban. Alhamdulillah, bulan Ramadan yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh setiap mukmin yang rindu untuk beramal akan menjelang lagi. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam ayat yang dibacakan di awal khutbah maksudnya:

*“Wahai orang yang beriman, telah difardhukan ke atas kamu kewajipan puasa sebagaimana telah difardhukan ke atas umat yang terdahulu, mudah-mudahan kamu beroleh takwa.”*

﴿Surah al-Baqarah: ayat 183﴾

Seorang muslim yang soleh sudah pasti menanti kedatangan Ramadan bagaikan menanti seorang tetamu agung yang sangat hebat atau *Super VVIP*. Rindu dendam untuk bertemu tetamu tersebut membara di dalam lubuk sanubarinya. Lantaran rindu tersebut, kita sebagai muslim sering membaca doa berikut semenjak bulan Rejab lagi:

**اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ**

Maksudnya: *“Ya Allah! Berkatilah kami di dalam bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikanlah kami kepada bulan Ramadan.”*

Tetamu *Super VVIP* setelah datang pasti akan disambut dan dialukan dengan sepenuh hati oleh setiap muslim. Lantaran dari kegembiraan tersebut akan berkumandanglah ucapan: *“Ahlan Ya*

*Ramadan*” (selamat datang wahai Ramadan) dalam kalangan orang muslim. Ungkapan tersebut diucapkan dengan penuh rasa gembira kerana mereka sedar tetamu *Super VVIP* datang dengan membawa seribu ganjaran dan pengampunan.

Kenapa mimbar menyifatkan Ramadan umpama tetamu yang istimewa? Hal ini kerana tetamu ini hanya datang dalam bulan Ramadan dan bukan pada sebelas bulan yang lain. Tetamu *Super VVIP* ini membawa bersama rahmat, pengampunan dan pembebasan daripada api neraka bagi sesiapa yang benar-benar mengambil peluang daripada kehadiran Ramadan.

وَهُوَ شَهْرٌ أَوَّلُهُ رَحْمَةٌ، وَأَوْسَطُهُ مَغْفِرَةٌ، وَآخِرُهُ عِتْقٌ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “*Ramadan diawalnya adalah rahmah, pertengahannya adalah pengampunan dan diakhirnya adalah pembebasan daripada api neraka.*” ﴿Hadis Riwayat Al-Baihaqi﴾

Bagi mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadan, perlu berusaha melaksanakan hak-hak dan tuntutan Ramadan dengan menahan diri dari makan minum, menjaga pandangan mata, pendengaran, lidah, anggota tangan dan kaki daripada perkara terlarang. Kita juga perlu mencari kelebihan Ramadan melalui solat tarawih, qiyamullail, bacaan Al-Quran, zikir, sedekah dan pelbagai kebajikan lain.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Apakah persediaan atau persiapan yang kita wajar lakukan bagi menyambut Ramadan? Adakah sama seperti tahun-tahun sebelum ini

tanpa ada peningkatan dan pembaharuan sedangkan Ramadan tersebut telah berlalu dan umur kita makin bertambah.

Dalam usaha melonjakkan semangat Ramadan, antara yang boleh kita lakukan ialah:

**Pertama: Persediaan *Nafsi* (نَفْسِي) (mental dan persepsi)**

Antaranya dengan cara menghebahkan kedatangan Ramadan, mengadakan majlis ilmu bagi menerangkan tentang puasa, keutamaan bulan Ramadan dan hukum-hukum berkaitannya.

**Kedua: Persediaan *Maddi* (مَادِّي) (kebendaan)**

Kita wajar menyimpan wang sebelum Ramadan dengan cara menabung supaya dapat memperbanyakkan sedekah dalam bulan Ramadan. Boleh diberikan dalam bentuk sumbangan kepada fakir miskin, tabung masjid dan surau, mengadakan majlis berbuka puasa dan sebagainya.

**Ketiga: Persediaan 'Amali (عَمَلِي)**

Kita hendaklah memperbanyakkan amal soleh seperti taubat, istighfar, berdoa, membaca Al-Quran dan berzikir supaya mendapat pengampunan daripada dosa-dosa terdahulu. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda dalam hadis:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan ihtisab (mengharapkan keredhaan Allah) akan diampunkan dosanya yang terdahulu”.

﴿ Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim ﴾

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Kesimpulannya, kita sebagai muslim yang cerdas lagi beriman perlu menyambut kehadiran Ramadan umpama kehadiran seorang tetamu yang sangat istimewa (*Super VVIP*) supaya iman dan takwa kita meningkat ke suatu tahap yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini. Ini dapat dilakukan dengan cara:

**Pertama:** Merasakan setiap saat begitu berharga dan menggunakannya pada perkara-perkara ketaatan dan kebajikan.

**Kedua:** Menyedari bahawa pintu rahmat Allah dan pengampunan-Nya begitu luas untuk setiap muslim yang bertakwa.

**Ketiga:** Menjadikan Ramadan bulan “pesta ibadah” supaya kehadiran Ramadan pada tahun ini sangat bermakna.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

﴿Surah al-Asr ayat 1 hingga 3﴾

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2019 memutuskan bahawa **haram** memindahkan zakat ke luar negeri Pulau Pinang berdasarkan masalah semasa kerana ia menafikan hak dan menjejaskan keperluan asnaf. Begitu juga, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2024 yang memutuskan individu termasuk peniaga dan usahawan Islam yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, adalah **diwajibkan** membayar zakat perniagaan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَدَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَرِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ قَوْلَاوِ فَيُنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau  
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang*

*istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.*

*Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG